

ثقیقن تیتہ

PETIKAN TITAH

“SEBAGAI kerajaan, kita akan terus bekerja keras bagi memastikan awda beroperasi dalam persekitaran ekonomi yang stabil dan berkembang, dan beta menggesa awda untuk berfikir di luar pemikiran mencari keuntungan dan menggunakan pengalaman dan pengetahuan industri dalam cara yang akan mendukung orang ramai secara keseluruhan, seperti inisiatif-inisiatif untuk meningkatkan taraf hidup dan mewujudkan peluang-peluang untuk rakyat kita menyumbang ke arah pembangunan ekonomi serantau.”

- Titah Sempena Pembukaan Sidang Kemuncak Perdagangan dan Pelaburan ASEAN Ke-10.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانیسش ایمان

MANISNYA IMAN

“SESUNGGUHNYA amalan pertama seseorang hamba yang dihisab pada hari kiamat ialah sembahyangnya.”

- (Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda).

TAHUN 59 / BILANGAN 158

24 DISEMBER 2014 / 1436 ربيع الأول

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

Hubungan Brunei - Jepun erat



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan-perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Emperor Akihito, Emperor Jepun dan kepada Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Shinzo Abe serta kerajaan dan rakyat Jepun sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke-81 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Emperor Akihito.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 23 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan-perutusan

tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Emperor Akihito, Emperor Jepun dan kepada Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Shinzo Abe serta kerajaan dan rakyat Jepun sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke-81 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Emperor Akihito. Dalam perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Emperor Akihito, baginda bertitah bahawa Negara Brunei Darussalam dan Jepun terus menikmati hubungan sangat baik yang sudah lama. Baginda yakin bahawa persahabatan erat yang dikongsi bersama oleh kedua-dua buah negara akan terus diperkukuhkan di masa akan datang. Pada mengakhiri perutusan

tersebut, baginda menyampaikan salam muhibah kepada Kebawah DYMM Emperor Akihito dan Kebawah DYMM Empress Michiko dan berharap semoga mereka akan terus berada di dalam keadaan sihat walafiat dan bahagia.

Sementara itu, di dalam perutusan kepada Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Shinzo Abe, baginda melahirkan perasaan gembira kerana dapat berjumpa dengan Tuan Yang Terutama dalam Mesyuarat APEC di Beijing dan Mesyuarat-Mesyuarat ASEAN di Nay Pyi Taw. Baginda juga gembira bahawa pelbagai acara telah diadakan untuk meraikan ulang tahun ke-30 penubuhan hubungan diplomatik di antara Negara Brunei Darussalam dan Jepun pada tahun ini. Baginda seterusnya berharap untuk meneruskan kerja bersama dengan TYT bagi mengukuhkan persahabatan mesra di antara kedua-dua buah negara serta kerjasama erat di forum-forum serantau dan antarabangsa.

Baginda mengakhiri perutusan dengan menyampaikan salam muhibah kepada TYT dan berharap semoga akan berada dalam keadaan sihat walafiat yang berterusan dan menikmati perayaan yang menggemirakan.

Sementara itu, Duli Yang Teramat

Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan juga berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Jepun, TYT Fumio Kishida sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke-81 Kebawah DYMM Emperor Akihito.

Duli Yang Teramat Mulia dalam perutusan tersebut melahirkan rasa hormat dan mengucapkan tahniah kepada Kebawah DYMM Emperor Akihito dan kepada TYT serta kerajaan dan rakyat Jepun sempena sambutan berkenaan.

Dalam perutusan tersebut, DYTMM melahirkan perasaan gembira dengan pelbagai aktiviti yang dianjurkan tahun ini untuk meraikan ulang tahun ke-30 persahabatan di antara kedua-dua buah negara dan seterusnya berharap agar dapat mengukuhkan kerjasama yang lebih berharga yang dikongsi oleh rakyat kedua-dua negara.

Di akhir perutusan, DYTMM juga menyampaikan salam muhibah dan berharap TYT bergembira meraikan sambutan ulang tahun berkenaan dan mengucapkan selamat menyambut tahun baru.

Projek USD4 bilion PMB berikan peluang pekerjaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 Disember. - Perkongsian projek di antara Damai Holdings Limited dan Hengyi yang bernilai lebih daripada USD4 bilion akan memberikan kira-kira 800 peluang pekerjaan.

Sebahagian besar tenaga kerja tempatan yang bekerja di Hengyi akan

diambil dari kalangan anak tempatan yang akan melalui Latihan Rangka Kerja Kompetensi Industri Tenaga (EICF), di mana mereka akan diiktiraf dan dibekalkan dengan kecekapan berkaitan yang diperlukan untuk menjalankan tugas dan peranan dalam industri berkenaan.

Hengyi juga telah menaja mahasiswa-mahasiswa Universiti Brunei Darussalam (UBD) yang telah menamatkan program tahun kedua mereka di UBD untuk menjalan serta meneruskan pembelajaran dan penempatan industri mereka di Universiti Zhejiang dalam Program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia dan Proses.

Sejumlah perbelanjaan yang berkaitan dengan pembangunan projek itu akan dikongsikan bersama dengan syarikat-syarikat Brunei yang berdaftar.

Beberapa hari lalu, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila

Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng dan Menteri Tenaga di JPM, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar telah melawat tapak Penapisan dan Petrokimia Loji Hengyi di Pulau Muara Besar (PMB).

Tapak pembangunan projek multi-bilion ringgit itu diperuntukkan oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB) sebagai salah sebuah Kilang Penapis Minyak dan Projek Petrokimia terbesar di rantau ini.

Tapak projek akan meliputi kawasan seluas kira-kira 260 hektar di PMB, pada masa ini, tumpuan utama adalah pengorekan, *backfilling* dan aktiviti penambakan di sekitar pulau itu sebagai persediaan bagi fasa pembinaan.

Ke muka 24

Jangan jadi mangsa skim penipuan

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 Disember. - Dalam mewujudkan kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan melindungi maklumat peribadi atau perbankan daripada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab, serta melindungi orang awam daripada menjadi mangsa skim-skim penipuan dan sebagainya, satu Sidang Media telah diadakan.

Pasukan Polis Diraja Brunei melalui Bahagian Siasatan Jenayah Perdagangan (BSJP), Jabatan Siasatan Jenayah dan pihak Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) mengingatkan kepada orang ramai untuk tidak sekali-kali mendedahkan sebarang maklumat peribadi termasuklah nombor akaun bank, tarikh lahir, maklumat-maklumat peribadi yang lazim, jawapan kepada soalan rahsia perbankan, kata laluan (*password*), nombor pin dan butir-butir kad kredit.

Ke muka 24

Masyarakat Tiong Hua rakan strategik capai Wawasan 2035



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah semasa berucap pada Majlis Perasmian Bangunan Baru 'Wisma Hainan' Kuala Belait Atas Undangan Persatuan Hainan, Kuala Belait pada hari Sabtu, 29 Muharram 1436 Hijrah bersamaan 22 November 2014 Masihi.

Bismillahir Rahmannir Rahim
Assalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, saya sangat gembira kerana kita dapat berhimpun bersama-sama dalam majlis yang sangat bermakna dan bersejarah pada pagi ini, iaitu Majlis Pembukaan Rasmi Bangunan 'Wisma Hainan' Kuala Belait yang disempenakan dengan sambutan Ulang Tahun Ke-75 Tahun Persatuan Hainan Kuala Belait.

Saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Persatuan Hainan (Hainan Association) Kuala Belait dan Awang Tan Kai Ton, Pemangku Pengerusi Persatuan Hainan Kuala Belait atas kesudian menjemput saya untuk menjadi tetamu kehormat pada pagi ini dan seterusnya menyempurnakan pembukaan rasmi bangunan baru 'Wisma Hainan' Kuala Belait yang serba indah ini. Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi tahniah kepada Ahli-ahli Persatuan Hainan Kuala Belait di atas sambutan Ulang Tahun Ke-75 Persatuan Hainan Kuala Belait.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Persatuan Hainan Kuala Belait atas usaha dan kegigihan ahli-ahli persatuan sehingga terdirinya bangunan baru ini. Pembinaan bangunan 'Wisma Hainan' ini merupakan mercu tanda kejayaan dan

kematangan persatuan yang telah wujud 75 tahun lalu, iaitu sejak tahun 1939. Lebih dari itu bangunan sembilan tingkat ini juga mencerminkan akan perpaduan dan kerjasama yang padu dalam kalangan Ahli-ahli Persatuan Hainan Kuala Belait dalam mencapai wawasan dan matlamat mereka.

Sudah barang setentunya Bangunan Wisma Hainan yang tersergam indah ini menyumbang kepada pembangunan dan pembisaian persekitaran Pekan Belait yang dewasa ini menjalani perubahan dan pembangunan yang pesat secara fizikal. Ia memberikan penukaran wajah indah pemandangan (*new sky line*) di Pekan Belait.

Secara khusus, saya difahamkan Persatuan Hainan Kuala Belait banyak menjalankan aktiviti dan program-program kebajikan sosial bukan saja bagi ahli-ahli dan keluarga persatuan, tetapi juga bagi kebajikan komuniti setempat terutama sekali dari kalangan kanak-kanak, orang-orang tua dan golongan yang memerlukan bantuan. Usaha sedemikian adalah sangat dihargai kerana ia memberikan sokongan kepada usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan berserta agensi-agensi kerajaan yang lain dalam memberikan keprihatinan ke atas kebajikan dan kesejahteraan golongan masyarakat yang kurang bernasib baik dan memerlukan bantuan di Negara Brunei Darussalam.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan masyarakat Brunei pada amnya sangat menghargai akan sumbangan masyarakat Tiong Hua termasuk Persatuan Hainan di Negara Brunei Darussalam pada menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi melalui kegiatan perdagangan dan perusahaan dan dalam melaksanakan tanggungjawab sosial mereka ke atas kebajikan dan kesejahteraan komuniti setempat dan masyarakat di negara ini dan juga mereka sama-sama memainkan peranan mewujudkan suasana keharmonian dan keamanan di Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan dengan ini, sepertimana yang kita semua maklum negara sedang rancak melangkah kepada Wawasan 2035. Ke arah menuju pencapaian Wawasan Brunei 2035 yang antaranya, rakyat dan penduduk yang berpendidikan dan berkemahiran yang tinggi dan berjaya; Rakyat yang mempunyai kualiti kehidupan yang tinggi; dan Ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan, negara memerlukan penyertaan dan penglibatan semua peringkat masyarakat untuk sama-sama melaksanakannya. Masyarakat Tiong Hua termasuk Persatuan Hainan Kuala Belait yang bergiat aktif dalam perniagaan dan perusahaan di negara ini juga perlu mensejajarkan (*to align*) matlamat dan strategi perniagaan dan tanggungjawab sosial mereka dengan wawasan negara berkenaan. Sudah barang setentunya masyarakat Tiong Hua adalah

merupakan sebagai *stakeholders* dan rakan strategik dalam mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Secara umumnya apa yang jelas dapat dilihat di Negara Brunei Darussalam masyarakat Tiong Hua sama ada yang bertaraf rakyat mahupun penduduk tetap, mempunyai identiti kebruneian mereka tersendiri yang dapat dilihat dari aspek ketaatan dan kesetiaan mereka kepada raja, menghormati perlembagaan dan undang-undang negara, mendukung falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB) dan menyatakan sokongan mereka kepada Pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Syar'iah di Negara Brunei Darussalam.

Identiti tersendiri masyarakat Tiong Hua Brunei juga dapat dilihat dalam kehidupan seharian melalui penghayatan dan adaptasi kepada bahasa, budaya dan adat Brunei ke dalam diri mereka. Di antaranya ialah, mereka tanpa kekok dapat menggunakan 'bahasa dalam' Brunei seperti peramba, kaola dan hamba dalam pertuturan harian, mereka menghormati hari-hari kebesaran Islam yang diraikan di Negara Brunei Darussalam, peniaga dan pengusaha Tiong Hua juga mematuhi kepada arahan penutupan kedai dan gedung perniagaan semasa waktu Solat Jumaat di Negara Brunei Darussalam. Lebih-lebih lagi, mereka juga memahami akan hasrat negara untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir. Kesemua ini adalah merupakan keunikan masyarakat Tiong Hua Brunei dan kesungguhan asimilasi diri mereka ke dalam masyarakat Brunei.

Keunikan kedudukan masyarakat Tiong Hua di Negara Brunei Darussalam lebih menonjol lagi dengan penerimaan peranan (*role*) pemimpin-pemimpin masyarakat Tiong Hua di dalam sistem pemerintahan beraja dalam mana mereka dikurniakan sampiran gelaran-gelaran Pehin yang berciri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Ini merupakan sebagai satu kepercayaan dan pengiktirafan peranan dan sumbangan masyarakat Tiong Hua di dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara di Negara Brunei Darussalam. Ini juga menunjukkan sebagai penerimaan bahawa mereka adalah anggota keluarga dan masyarakat di Negara Brunei Darussalam.

Sikap adaptasi dan toleransi masyarakat Tiong Hua di negara ini menunjukkan akan kefahaman mereka dalam keperluan kehidupan bermasyarakat dan bernegara di Negara Brunei Darussalam dan keyakinan mereka akan kebijaksanaan, kesaksamaan dan keadilan pemerintahan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan jentera kerajaan baginda. Ini juga menunjukkan mereka menaruh harapan kehidupan masa depan yang cerah, terjamin dan makmur di Negara Brunei Darussalam.

Ke muka 5

Dari Sidang
Pengarang.

24 DISEMBER 2014 BERSAMAAN 1436 ربيع الأول 2

NEGARA SEMARAKKAN SAMBUTAN MAULIDUR RASUL

KEMERIAHAN sambutan sempena Maulidur Rasul sudah sinonim di negara ini dengan pelbagai atur cara keagamaan yang disusun secara besar-besaran di semua peringkat.

Maulidur Rasul berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud kelahiran Rasul merupakan hari bersejarah, di mana Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam telah diputerakan pada Subuh, hari Isnin 12 Rabiulawal bersamaan 20 April 571 Masihi (dikenali sebagai Tahun Gajah iaitu sempena peristiwa tentera bergajah Abrahah yang menyerang kota Ka'bah).

Seperti kelaziman, Negara Brunei Darussalam membuka tirai sambutan Maulidur Rasul bermula dengan bergemanya Majlis Zikir Maulud di masjid-masjid utama, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara.

Majlis berzikir yang diadakan selama 12 malam berturut-turut itu bersemarak dengan laungan selawat ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang disertai oleh berbagai-bagai lapisan golongan.

Apa yang membanggakan ialah penglibatan generasi muda dalam sama-sama memeriahkan majlis berzikir sekali gus membuktikan kesedaran beragama sudah berjaya diterapkan.

Allah Subhanahu Wata'ala telah menjanjikan ganjaran pahala yang berlipat ganda ke atas hambanya yang berselawat ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam malah semakin banyak seseorang itu berselawat maka semakin besar ganjaran pahala dan nikmat yang bakal diterimanya di akhirat nanti malah dalam kehidupan di dunia.

Selain acara-acara keagamaan yang lain, satu lagi acara bagi menyemarakkan sambutan Maulidur Rasul ialah perhimpunan dan perarakan raksaksa sempena memperingati keputeraan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang diadakan di semua daerah.

Bersempena dengan sambutan Hari Keputeraan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diadakan setiap tahun, waktu inilah peluang untuk kita sama-sama menghayati dan mencontohi ketabahan serta kesabaran Baginda dan para sahabat dalam menegakkan syiar Islam sehingga terpancar kecemerlangan dan kegemilangan Islam di seluruh pelusuk dunia.

Sebagai Negara Zikir, usaha untuk menyemarakkan sambutan Maulidur Rasul merupakan langkah yang patut mendapat sokongan segenap lapisan masyarakat beragama Islam di negara ini. - **Ketua Penyuntingan (Sj).**

SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Ak. Jefferi Pg. Durahman,
Haniza Abdul Latif,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuriah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratiini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Noraisah Muhammed,
Aryentyt Haji Arifin,
Mohammad Arif Matali,
Hajah Sujimawati Mejeri

Ketua Bahagian Pelita Brunei

Sastra Sarini Haji Julaini

Ketua Penyuntingan

Musa Mohidin,
Mohammad Rainie Haji Durani,
Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar,
Samle Haji Jait

Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,
Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Jurainah Haji Jait,
Nornasyirah Nordin

Penyuntingan

Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad

Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Chafor,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Mohammad Hamdanajib Haji Domeng,
Mohammad bin Kahar,
Wan Mohamad Sahrnan Wan Ahmadi,
Hajah Raini Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail

Raman Cua Tiga Hari		
RABU	KHAMIS	JUMAAT
BANDAR SERI BEGAWAN		
32° C	24° C	32° C
MUARA		
32° C	26° C	32° C
PEKAN BANGAR		
32° C	24° C	33° C
PEKAN TUTONG		
32° C	24° C	32° C
PEKAN SERIA		
32° C	24° C	32° C
KUALA BELAIT		
32° C	24° C	32° C
Wafahudom Bissawab		
Sumber: JABATAN KAJICUACA BRUNEI DARUSSALAM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN Telefon: 2330142 sambungan 1886/1551 atau Talian Cua 114		

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK,
JABATAN PENGangkutan DARAT,
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Warga Kementerian Perhubungan sertai Dikir Maulud

Oleh : Dk. Vivy Malessa
Pg. Ibrahim

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

MUKIM BERAKAS, Isnin, 22 Disember. - Laungan dikir memuji Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam akan berkumandang selama 12 malam bermula malam itu di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadah di seluruh Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan itu, rombongan dari Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya yang diketuai oleh Pemangku Pengarah Penerbangan Awam, Awang Haji Abdul Karim bin Haji Abdul Wahab juga mengadakan Majlis Dikir Maulud yang berlangsung di Masjid Perpindahan Lambak Kanan, Rancangan Perumahan Negara, Kampung Lambak Kanan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis keagamaan itu ialah Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

Majlis berdirikir juga disertai oleh Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Abdul Mutilib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap serta ketua-ketua jabatan di bawah kementerian tersebut, para penghulu mukim dan ketua-ketua kampung serta ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim, penduduk kampung berkenaan dan

sekitarnya.

Acara dimulakan selepas menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah yang diimamkan oleh imam masjid berkenaan diikuti dengan majlis berdirikir beramai-ramai.

Majlis berdirikir rombongan Kementerian Perhubungan itu merupakan salah satu rancangan tahunan kementerian berkenaan dalam sama-sama menyemarakkan suasana Hari-hari Kebesaran Islam di negara ini.

MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar semasa hadir pada Majlis Pembukaan Dikir Maulud di Masjid Perpindahan Lambak Kanan (kanan). Sementara gambar bawah, suasana pada majlis dikir tersebut.



Sentiasa amalkan berselawat

Berita dan Foto :

Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

SERIA, Isnin, 22 Disember. - Pegawai Hal Ehwal Masjid Daerah Belait, Awang Haji Haslan bin Haji Shahbudin berkata, selawat ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bermakna pujian Allah ke atas Rasulullah.

Awang Haji Haslan menambah, disebut-sebut nama Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di sisi malaikat yang paling hampir kedudukannya dengan Arasy Allah.

Oleh yang demikian beliau menyeru supaya berselawat pada bila-bila masa, baik di kala senang mahupun susah dan tidak menunggu bulan Rabiulawal.

Beliau menjelaskan perkara itu semasa menyampaikan tazkirah pada majlis pembukaan rombongan dikir jabatan-jabatan kerajaan ke masjid-masjid sempena Sambutan Maulidur Bagi Tahun 1436 Hijrah di Masjid Pekan Seria.

“Apabila berselawat, sebenarnya kita berdoa kepada Allah agar Allah memperbanyakkan puji-pujian ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan menyebut nama Baginda di sisi malaikatNya,” ujar beliau.

Di balik semua itu, beliau mengingatkan bahawa ulama mengatakan jika seorang itu riak dalam berselawat, ada niat lain dalam berselawat, dia tidak akan mendapat apa-apa pahala daripadanya kecuali dosa.

Pada malam pertama bersempena memperingati keputeraan Junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, beliau menggesa supaya mengikhlaskan hati dalam berselawat dan berdirikir dengan harapan memperolehi ganjaran yang berlipat kali ganda daripada Allah Subhanahu Wata’ala.

Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman hadir selaku tetamu kehormat. Juga hadir pegawai-pegawai kanan kerajaan Daerah Belait

termasuk Penolong Pegawai Daerah, Pengerusi Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Setia dan Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait.

Majlis Dikir dimulakan selepas menunaikan Solat Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Ketua Imam Masjid Pekan Seria, Awang Muhd. Zul Hilmi bin Muhd. Jefri yang juga mengetuai bacaan Surah Al Faatihah seterusnya disusuli dengan persembahan Dikir ‘Assalamualika, Khairuman, Bisyahri, Alhamd dan Badat’ oleh rombongan pegawai dan kakitangan kerajaan dan swasta serta jemaah masjid.

Tetamu kehormat bersama-sama jemaah kemudian menunaikan Solat Fardu Isyak sebelum majlis diteruskan dengan persembahan Dikir Ashrakal beramai-ramai.



PEGAWAI Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman dan mereka yang hadir sama-sama membaca dikir.



KETUA Imam Masjid Pekan Seria, Awang Muhd. Zul Hilmi bin Muhd. Jefri mengetuai bacaan Surah Al Faatihah.

Wacana minda antara masyarakat dan agensi kerajaan



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Ramli berucap semasa menjadi tetamu kehormat pada Program Masyarakat Bermaklumat yang diadakan di Balai Purun Taman Warisan Tasek Merimbun.



TUTONG, Selasa, 23 Disember. - Jabatan Penerangan akan memanfaatkan Program Masyarakat Bermaklumat sebaik mungkin dan dijadikan sebagai salah satu wacana minda di antara masyarakat dan agensi kerajaan.

Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menjelaskan perkara itu pada Program Masyarakat Bermaklumat bertemakan 'Keusahawanan dan Isu Penderaan' anjuran Cawangan Penerangan Daerah Tutong dengan kerjasama Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan Jabatan Penerangan.

Awang Mawardi seterusnya berkata, program tersebut adalah sebagai langkah bagi para peserta untuk meningkatkan taraf hidup dengan sara diri dalam bidang ekonomi apatah lagi bagi menyahut Wawasan Negara 2035, iaitu ke arah ekonomi yang berdaya saing dan dinamik.

Beliau juga memetik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena Hari Keputeraan baginda yang ke-59 tahun

PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi semasa berucap pada Program Masyarakat Bermaklumat (kiri). Manakala gambar bawah, menunjukkan sebahagian ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim, ahli-ahli Takmir Masjid, beliau dan penduduk Mukim Ukong dan Mukim Rambai semasa menyertai program tersebut.



Berita dan Foto : Aryentty Haji Ariffin

yang antaranya menyentuh mengenai keusahawanan yang berbunyi "Maka ke arah ini, kerajaan beta tidak berpeluk tubuh dari melaksanakan berbagai-bagai langkah, termasuk menggalakkan usahawan-usahawan tempatan serta meningkatkan tahap aktiviti perindustrian dan juga membuka luas peluang pelaburan asing di negara ini."

Program itu juga jelasnya, telah dilaksanakan di keempat-empat daerah di negara ini supaya setiap anggota masyarakat mempunyai peluang yang sama untuk menambah ilmu pengetahuan dalam bidang keusahawanan dan sama-sama berganding bahu dalam membendung gejala penderaan yang dilihat sebagai penyakit masyarakat di era globalisasi.

Beliau mengharapkan program ini akan dapat menjadi sumber dalam mencetuskan inovasi baru dan membenihkan perubahan-perubahan yang positif dalam membentuk masyarakat yang inovatif, berdaya saing dan penyayang serta pemedulian.

Program selama dua hari ini, bermula pada hari ini di Balai Purun Taman Warisan Tasek Merimbun, Daerah Tutong dan berakhir pada 24 Disember 2014 (Rabu).

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit. Turut hadir ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan yang terlibat dalam mengukayakan program tersebut.

Seramai 100 peserta terdiri daripada ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim, ahli-ahli Takmir Masjid, beliau-belia dan secara umumnya penduduk Mukim Ukong dan Mukim Rambai menyertai program ini.

Antara objektif program berkenaan ialah untuk menyuntik semangat dan inspirasi kepada anggota masyarakat dalam mempertingkatkan taraf hidup mereka, melalui aktiviti keusahawanan dan memberikan pengetahuan, mengenai dengan isu penderaan dan cara-cara menangani permasalahan yang timbul dan juga cara-cara untuk

mempertahankan diri daripada kejadian yang tidak diinginkan.

Dengan bertemakan 'Keusahawanan dan Isu Penderaan', program ini diharapkan dapat membuka mata dan minda masyarakat di negara ini mengenai perkara-perkara yang dapat menjaga ekonomi dalam menyahut seruan kerajaan ke arah ekonomi yang dinamik dan daya saing.

Pada yang sama beliau mengharapkan para peserta dapat menambah pengetahuan masyarakat umum mengenai isu-isu penderaan, yang mana masyarakat perlu mengetahui hak-hak mereka dari segi undang-undang dan bagaimana untuk bertindak dan kepada siapa untuk memohon bantuan jika terjadinya perkara seperti ini.

Sementara itu, menurut tetamu kehormat majlis, peserta pada hari ini sangat beruntung kerana didedahkan dengan beberapa maklumat penting secara percuma. Ini adalah peluang baik yang perlu diambil perhatian untuk memahami lebih dekat menerusi taklimat yang telah disampaikan oleh para panel.

Jabatan Penerangan telah mengambil peranan menjelajah dari daerah ke daerah, mukim ke mukim untuk menyampaikan maklumat bermasyarakat dan penduduk negara ini supaya masyarakat tahu akan isu-isu yang bukan saja mengenai isu

dera dan keusahawanan malahan juga isu-isu yang lain juga.

"Saya berharap para peserta Program Masyarakat Bermaklumat dapat mengambil peluang sebaik mungkin dan menyertai apa jua aktiviti termasuk lawatan ke tempat-tempat perusahaan untuk melihat kejayaan orang lain sebagai motivasi, contoh dan perbandingan. Dan diharapkan juga orang ramai tidak menyebar sebarang maklumat yang diterima dari berbagai-bagai sumber media sosial yang berbau negatif kerana boleh menyebabkan berlaku pergaduhan, perceraian rumah tangga, penyelewengan akidah, menggugat keselamatan dan berbagai-bagai macam lagi keburukan yang timbul."

Antara taklimat yang diserapkan dalam program berkenaan ialah taklimat daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), taklimat mengenai Hak-Hak Mangsa Dera dari segi undang-undang Pejabat Peguam Negara, Taklimat Pentingnya Khidmat Kaunseling kepada Mangsa dan Keluarga Penderaan dari Pasukan Polis Diraja Brunei dan Taklimat Mencapai Ke Arah Keusahawanan Yang Berjaya dari Pusat Pembangunan Keusahawanan.

Para peserta juga berpeluang untuk mengajukan soalan kepada para panel-panel yang menyampaikan taklimat tersebut.



SALAH seorang panel mengongsikan maklumat bersama para peserta yang menyertai Program Masyarakat Bermaklumat.

Pelajar UNISSA melaksanakan aktiviti kemasyarakatan

**Berita dan Foto :
Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)**

WILAYAH CIANJUR, JAWA BARAT, REPUBLIK INDONESIA, Isnin, 22 Disember. - Program Khidmat Masyarakat dan Penempatan Pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) di Wilayah Cianjur, di sini memasuki hari kesembilan hari ini dengan meneruskan beberapa aktiviti akademik dan kemasyarakatan mengikut keperluan pihak pesantren-pesantren dan kesesuaian para pelajar UNISSA.

Di Pesantren Muftahulhuda al-Musri', para pelajar UNISSA menjalankan program khidmat masyarakat berbentuk kerohanian yang menjurus kepada aktiviti praktikal termasuk cara mengambil air wuduk dan sembahyang yang betul kepada santri dan santriat lingkungan umur empat tahun, di samping bergotong-royong membuat titian dengan menggunakan buluh bersama warga pesantren bagi kemudahan warga berkenaan.

Manakala di Pesantren al-Musri', Program Khidmat Masyarakat juga dilaksanakan dengan beberapa aktiviti termasuk akademik iaitu mengadakan Bengkel Bahasa Inggeris.

Selain itu, Pelajar UNISSA juga membuat pembentangan dan memperkenalkan tradisi masyarakat Brunei dari pengenalan peta Negara Brunei Darussalam, penggunaan wang kertas, alat-alat permainan tradisi, adat resam dan perkahwinan serta mengetengahkan jenis-jenis kuih ringan makanan masyarakat Brunei untuk dihidangkan kepada warga pesantren.

Program Khidmat Masyarakat dan Penempatan Pelajar UNISSA di Wilayah Cianjur ini akan diteruskan sehingga 28 Disember 2014 dengan diiringi oleh Dekan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, UNISSA, Dr. Azme bin Haji Matali sebagai pegawai pengiring sepanjang Program Khidmat Masyarakat dijalankan.



MAHASISWA Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) bergotong-royong membuat titian bagi kemudahan laluan warga Pesantren Muftahulhuda al-Musri'.

Awang Haji Narudin dan keluarga terima rumah bantuan



RUMAH bantuan banglo Awang Haji Narudin yang diterima.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

MUKIM LUMAPAS, Isnin, 22 Disember. - Menghulurkan bantuan atau sumbangan kepada golongan memerlukan adalah satu amalan mulia yang perlu dipraktikkan dalam kalangan masyarakat di negara ini. Pelbagai pihak yang bertanggung-

jawab juga diberi tugas dalam melaksanakan bagi menghulur bantuan kepada mereka yang kurang bernasib baik dan susah. Sehubungan itu, Majlis Penyerahan Rumah Bantuan bagi keluarga Awang Haji Narudin bin Haji Pungut



PEMANGKU Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar, selaku Naib Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) ketika menyampaikan replika kunci rumah bantuan kepada Awang Haji Narudin bin Haji Pungut di Kampung Baong Putat.

di Kampung Baong Putat telah diadakan petang itu.

Hadir bagi menyempurnakan penyampaian rumah bantuan berkenaan ialah Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar, selaku Naib Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Rumah bantuan jenis banglo itu menelan belanja BND59,000 yang dilengkapi dengan kemudahan asas seperti bilik tidur, ruang tamu, dapur, bilik mandi dan tandas.

Dengan adanya kemudahan tersebut ia dapat membantu meringankan beban dan tanggungan, di samping memberikan keselesaan tempat tinggal bagi Awang Haji Narudin dan keluarga.

Beliau yang berusia 41 tahun tidak mempunyai pekerjaan tetap dan hanya menerima bantuan kewangan daripada MUIB serta mempunyai seramai lima orang tanggungan anak termasuk isteri.

Turut hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim yang



PERSEMBAHAN Dikir Marhaban bagi menyerikan majlis.

juga merupakan Ketua Kampung Putat dan Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Misli bin Haji Karim.

Majlis juga diserikan dengan persembahan Dikir Marhaban daripada para Belia Masjid Kampung Putat.

HALUAN

Masyarakat Tiong Hua rakan strategik capai Wawasan 2035

Dari muka 2

Adalah diharapkan semangat kenegaraan dan kebruneian orang-orang Tiong Hua termasuk masyarakat di Negara Brunei Darussalam akan bertambah kukuh lagi dan terus diwarisi oleh golongan generasi muda mereka. Salah satu kunci utama kepada memperkukuhkan semangat kenegaraan ini ialah bagi mereka untuk sama-sama mendaualatkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara dan memahami Adat Istiadat dan Budaya Brunei serta memperluaskan penggunaan tulisan Jawi di atas premis dan tanda-tanda perniagaan.

Sehubungan dengan ini, sukacita saya mengingatkan akan Titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-36 Tahun pada tahun 1982;

"Dalam perkara bahasa Melayu ini, beta ingin mengingatkan kepada rakyat dan penduduk di negeri ini yang berketurunan Tionghoa, supaya mereka mempelajari bahasa Melayu dengan bersungguh-sungguh dan satu bukti taat setia yang tulen dan sebenar-benarnya kepada negeri Brunei supaya mereka tidak dicurigai oleh rakyat Brunei yang terdiri dari penduduk-penduduk tempatan negeri ini....."

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei telah

menganjurkan berbagai-bagai usaha untuk memartabatkan penggunaan bahasa Melayu dan juga tulisan Jawi dalam segala urusan harian dan termasuklah dalam penyediaan notis dan papan-papan tanda, sama ada di kedai-kedai mahupun di semua tempat-termpat awam. Penggunaan bahasa Melayu dan juga tulisan Jawi akan menunjukkan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara MIB yang mempunyai identiti kebruneian. Dalam hal ini, saya ingin menyeru semua pihak perniagaan di negara ini supaya akan patuh kepada arahan dan peraturan pelaksanaan penggunaan bahasa Melayu dan tulisan Jawi baik di premis-premis mahupun juga di semua papan-papan tanda perniagaan mengikut garis pandu yang ditetapkan.

Dalam mengakhiri ucapan ini, saya sukacita sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Persatuan Hainan Kuala Belait atas Ulang Tahun Persatuan Ke-75 Tahun, dan kejayaan dan kecemerlangan persatuan sehingga telah berjaya membangun Bangunan 'Wisma Hainan'. Semoga Persatuan Hainan Kuala Belait akan terus maju jaya pada tahun-tahun yang akan datang.

Dengan melafazkan kalimah Bismillahir Rahmannir Rahim dan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala saya dengan ini sukacita merasmikan Bangunan Persatuan Hainan Kuala Belait, 'Wisma Hainan'.

Sekian. Wabillahit Taufeq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Polis Kampong Ayer tingkatkan keselamatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad 21 Disember. - Langkah keselamatan daripada kejadian jenayah terus ditingkatkan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) bersama Pengawasan Kejiranan demi menjaga keselamatan penduduk.

Balai Polis Kampong Ayer telah mengadakan rondaan bersama Pengawasan Kejiranan yang diketuai oleh Ketua Kampung Bolkiah 'B', Awang Samsudin bin Haji Maidin di bawah Mukim Sungai Kebun.

Rondaan dijalankan secara berjalan kaki di beberapa kawasan sekitar Kampong Ayer.

Semasa rondaan tersebut Pemangku Pegawai Penguasa Balai Polis Kampong Ayer bersama Ahli-Ahli Balai Polis Kampong Ayer juga membuat lawatan terus ke rumah Ketua Kampung Bolkiah 'B'.

Hasil dari rondaan tersebut Pemangku Pegawai Penguasa Balai Polis Kampong Ayer bersama ahli-ahli balai dapat berinteraksi dan mengeratkan silaturahim bersama



RONDAAN secara berjalan kaki yang dijalankan.

penduduk kampung serta ahli-ahli Pengawasan Kejiranan.

PDB akan terus melatkan program rondaan itu dari semasa ke semasa.

Pesta Pengguna Ke-15 bermula 28 Januari

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hamzah Mohiddin

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 Disember. - Pesta Pengguna Ke-15 (15th Consumer Fair - CF15) anjuran D'Sunlit Sendirian Berhad akan diadakan bermula 28 Januari hingga 1 Februari depan, di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Satu Majlis Penandatanganan Kontrak di antara D'sunlit Sdn. Bhd. dengan rakan-rakan kongsi acara dan aktiviti CF15 diadakan di Dewan Serbaguna syarikat tersebut, di Beribi.

Menandatangani bagi pihak D'Sunlit Sdn. Bhd. ialah Penasihat D'Sunlit Sdn. Bhd., Pengiran Haji

Salleh Ab. Rahaman bin Pengiran Haji Damit yang disaksikan oleh Pengarah Urusan D'Sunlit Sdn. Bhd., manakala rakan-rakan kongsi acara dan rakan-rakan kongsi aktiviti diwakili oleh wakil syarikat masing-masing.

Rakan-rakan kongsi acara CF15 ialah Syarikat Bank Islam Brunei Darussalam; Oregon Systems; IBIC Sdn. Bhd.; Aewon Garment and Embroidery; Brunei Press Sdn. Bhd.; Kristal FM; Radio Televisyen Brunei (RTB) dan Ranoadidas.com.

Sementara itu, rakan-rakan kongsi aktiviti pula terdiri daripada Braun On Sdn. Bhd.; dairy Queen, Olive Tree

Corporation; Firemix Enterprise; Kingstong Beverage and Creamery Sdn. Bhd.; Syarikat Perniagaan Malar Setia; Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha; Ho Tai Co. Sdn. Bhd.; dan MagicLee Entertainment.

Sebanyak 430 petak jualan akan disediakan yang menawarkan produk-produk dan perkhidmatan dari negara ini, Republik Singapura, Malaysia, Republik Indonesia, Republik Filipina, Taiwan dan Emiriah Arab Bersatu pada CF15.

Di samping itu, pelbagai aktiviti menarik juga turut diadakan sepanjang CF15 itu nanti termasuk taman tema yang unik, cabutan bertuah dan juga hiburan bagi kanak-kanak serta para pengunjung yang datang ke pesta



PENASIHAT D'Sunlit Sdn. Bhd., Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman bin Pengiran Haji Damit menandatangani bagi pihak syarikatnya bersama wakil-wakil rakan kongsi pesta berkenaan.

berkenaan.

Untuk keterangan lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi talian 2453666 dan melayari laman sesawang [www.bruneiconsu-](http://www.bruneiconsu-merfair.com)

merfair.com.

CF15 dianjurkan oleh D'Sunlit Sdn. Bhd. dengan kerjasama Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama.



PENASIHAT D'Sunlit Sdn. Bhd., Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman bergambar ramai bersama rakan-rakan kongsi acara dan rakan-rakan kongsi aktiviti bagi Pesta Pengguna Ke-15.

Gunakan wang bonus dengan berhemah

Oleh : Hajah Siti Zuriah Hajah Awang Sulaiman
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor, Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 Disember. - Pembayaran bonus merupakan saat yang dinanti-nanti oleh setiap warga jabatan kerajaan yang mana bonus bukan saja sebagai tanda penghargaan malahan juga sebagai motivasi dalam meningkatkan mutu kerja, setelah menyumbangkan khidmat bakti, berpenat lelah bekerja selama 12 bulan.

Sekalipun pendapatan bonus boleh dikatakan lumayan, namun bukan bererti kita harus berhabis-habisan membelanjakannya untuk sesuatu hal yang tidak mendatangkan sebarang faedah dan bermanfaat.

Bagi Pensyarah di Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Perguruan Ugamah Seri Begawan (KUPU SB), Dayang Hajah Siti Zanah binti Haji Besar, penerimaan bonus adalah sebagai hadiah kepada setiap warga Perkhidmatan Awam (PA) setelah bekerja selama setahun.

Bagi ibu bapa penjaga yang mempunyai anak-anak yang masih bersekolah, jelasnya, bonus yang diterima dapat membantu membeli keperluan anak-anak sekolah mereka.

"Bonus ini juga sebagai rahmat, terutamanya ibu bapa yang mempunyai anak ramai dan masih bersekolah. Sekurang-kurangnya ia dapat meringankan sedikit bebanan perbelanjaan yang tidak seperti bulan lainnya dan mungkin ini adalah salah satu strategi kerajaan untuk mengeluarkan bonus pada setiap penghujung bulan Disember," ujarnya ketika ditemu bual oleh PELITA

BRUNEI.

Di samping itu, dengan pemberian bonus ini tambahnya, juga boleh dimanfaatkan bagi melunaskan hutang-hutang yang tertunggak.

Dayang Hajah Siti Zanah juga mengingatkan agar warga PA juga tidak akan melupakan mereka yang kurang berkemampuan dan kurang bernasib baik dan menghulurkan sedikit bantuan kepada mereka.

Dalam masa yang sama, beliau turut menasihati mereka yang menerima bonus supaya bijak membelanjakan kewangan mereka ke arah perkara-perkara yang diberi keutamaan terlebih dahulu dan tidak terlalu boros dalam berbelanja.

Perkara ini juga diakui oleh Jurutera Telekom Penerbangan di Jabatan Penerbangan Awam, Dayang Hajah Rospiahani binti Haji Rosli yang menganggap bahawa pemberian bonus adalah sebagai hadiah dan galakan kepada warga PA untuk lebih berdedikasi, bertekad dan beriltizam untuk mempertingkatkan lagi mutu kerja mereka.

Menurutnya, setiap kali pemberian bonus dikeluarkan, beliau terlebih dulu akan memperuntukkan sebahagiannya bagi kegunaan perbelanjaan sekolah anak-anaknya.

Selain itu tambahnya, dengan adanya bonus ini juga boleh digunakan bagi melangsaikan hutang ataupun membayar bil yang tertunggak serta juga boleh digunakan sebagai bayaran awal bagi sebarang bil agar ia dapat meringankan bebanan kemudian hari.

"Pemberian bonus ini adalah sebagai hadiah kepada kita warga PA atas titik peluh kerja selama setahun ini dan adalah tidak salah juga jika kita ingin membelanjakannya untuk barang yang telah diijazati," ujarnya yang mempunyai tiga orang anak.

Awang Muhammad Azizi bin Awang Ahmad yang bertugas di Radio Televisyen Brunei pula berkata, bonus tahun ini akan digunakan bagi persediaan perkahwinan beliau pada tahun hadapan.

Sebahagian bonus itu tambahnya, juga akan disimpan bagi kegunaan apabila diperlukan dan beliau turut menasihati orang ramai agar sentiasa berjimat cermat dan tidak 'boros' dalam perbelanjaan dan sebolehnya melunaskan segala hutang terlebih dahulu.

Bagi rakannya pula iaitu Awang Noor Izzat bin Haji Ismail, tahun ini adalah kali ketiga beliau menerima pemberian bonus daripada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Pada kebiasaannya bonus ini, jelasnya, dibelanjakan untuk keperluan diri sendiri, namun apa yang paling penting ialah beliau juga tidak lupa untuk memberikannya kepada ibu bapanya dan selebihnya disimpan bagi keperluan akan datang.

"Bonus ini bukan saja digunakan untuk keperluan belanja diri sendiri, namun jika boleh utamakan keperluan yang penting terlebih dahulu seperti membayar hutang bil, membeli keperluan sekolah anak, memperbaiki kereta atau rumah dan sebagainya," jelasnya.



PENERBIT di Radio Televisyen Brunei, Awang Noor Izzat bin Haji Ismail semasa ditemu bual oleh pewarta PELITA BRUNEI.



MUHAMMAD Azizi bin Awang Ahmad semasa memberikan pandangan beliau mengenai bonus tahunan warga Perkhidmatan Awam (PA).



DAYANG Hajah Siti Zanah binti Haji Besar memberikan pendapat beliau mengenai cara membelanjakan wang bonus tahunan yang diterima oleh warga PA.



DAYANG Hajah Rospiahani binti Haji Rosli salah seorang pegawai di Jabatan Penerbangan Awam semasa ditemu bual oleh pewarta PELITA BRUNEI.

Para pemenang Minda Pembaca!



Diabetes salah satu punca utama kematian di Brunei

DIABETES merupakan sejenis penyakit kronik yang akan kekal seumur hidup. Diabetes juga dikenali sebagai penyakit kencing manis. Disebabkan letusan epidemik obesiti yang membimbangkan, diabetes telah dibuktikan sebagai ancaman kesihatan yang paling utama di seluruh dunia. Catatan kesihatan dunia merekodkan sejumlah 366 juta orang menghidapi penyakit ini dan jumlah ini tidak mustahil akan meningkat dalam masa terdekat. Negara Brunei Darussalam juga tidak terlepas daripada fenomena membimbangkan ini. Sejak tahun 2001, diabetes merupakan punca ketiga utama kematian selepas barah dan penyakit jantung di mana pada tahun 2010 sahaja, 100 kes kematian akibat diabetes telah direkodkan.

Sebagai langkah bijak bagi mencegah diabetes, orang ramai digesa untuk mengamalkan gaya hidup sihat. Senaman merupakan salah satu bentuk 'ubat' untuk merawat pelbagai jenis penyakit kerana dengan bersenam tubuh manusia akan membakar kalori serta lemak, mengeluarkan toksin dan peluh, di samping menjadikan tulang, ligamen dan tendon lebih kuat. Proses-proses ini akan mengaktifkan ketahanan *antibody* dan mencetus kesegaran tubuh manusia.

Selain senaman, mengamalkan permakanan sihat seperti memperbanyakkan pengambilan sayur-sayuran dan buah-buahan juga mampu untuk mencegah diabetes. Makanan seperti bijirin dan kekacang juga perlu diambil kerana ia juga merupakan sumber tenaga namun bukanlah secara berlebihan. Memilih makanan rendah lemak dan kolesterol juga perlu kerana lemak berlebihan boleh meningkatkan risiko penyakit jantung koronari, strok, obesiti dan sebagainya. Garam dan gula turut menyumbang kepada pelbagai penyakit. Justeru itu, dalam penyediaan masakan, orang ramai digesa untuk mengurangkan pengambilan garam dan gula. Air pula sangat signifikan untuk fungsi fisiologi tubuh, mengawal suhu badan dan mengeluarkan bahan sisa. Air sangat berperanan dalam proses kitaran darah dan diperlukan untuk menggantikan peluh semasa bersenam dan bekerja. Pakar-pakar kesihatan menegaskan bahawa kadar pengambilan air ialah sebanyak enam hingga lapan gelas sehari.

Tubuh badan yang sihat adalah mustahak bagi melaksanakan segala suruhan dan tuntutan agama. Amalan gaya hidup sihat boleh mencegah diabetes. Oleh itu, berusaha untuk kekal cergas dengan bersenam secukupnya dan mengambil makanan yang sihat. Kesihatan amat vital dan terlalu berharga. Kesihatan eternal menjamin kehidupan lebih sempurna.

Nama : Amal Zaimah binti Awang Nawati
No. K/P : 01-041894 (Kuning)
Alamat : No.1, Simpang 20, Jalan 32, Perumahan Negara Kampung Rimba, Gadong, BE3319.

Melestarikan amalan gaya hidup sihat

TIDAK dapat dinafikan lagi bahawa mengamalkan gaya hidup sihat dalam kehidupan seharian membawa kesan yang positif kepada fizikal, mental dan emosi setiap pengamalannya. Ia dapat mengurangkan atau mencegah risiko mengidap pelbagai penyakit yang membahayakan kesihatan seperti diabetes, darah tinggi, serangan jantung dan sebagainya. Kualiti hidup dan prestasi kerja seseorang juga akan meningkat.

Seperti yang kita sedia maklum berbagai-bagai usaha telah pun diungkuhkan oleh pihak kerajaan mahupun swasta ke arah membudayakan gaya hidup sihat dalam masyarakat. Antaranya aktiviti senamrobik, beriadah, kempen amalan permakanan yang sihat, kempen menghindari penyalahgunaan bahan yang membahayakan seperti dadah, ubat, racun, rokok, ekspo cara hidup sihat dan larian amal. Malangnya terdapat segelintir masyarakat yang bersikap 'endah tak endah', 'acuh tak acuh' dan memandang remeh akan usaha tersebut.

Dalam perkara ini, usaha ke arah memberikan kesedaran dan pengetahuan kepada masyarakat wajar dipertingkatkan dan diperkukuhkan. Penekanan slogan 'Mencegah Itu Lebih Baik Daripada Mengubati' perlu dipergiatkan. Memperbanyakkan sesi kongsi sama tentang risiko penyakit diabetes, darah tinggi, serangan jantung dan sebagainya melalui perkongsian kisah-kisah benar pengidap penyakit tersebut yang dilihat boleh memberi kesan yang mendalam kepada seseorang individu lebih-lebih lagi jika penyakit tersebut mengorbankan jiwa.

Kefahaman dan pengetahuan murid-murid di sekolah juga perlu dipertingkatkan khususnya tentang risiko pengambilan makanan yang kurang berkhasiat, umpamanya tabiat banyak meminum minuman berkarbonat yang mengandungi kadar gula yang tinggi, menyukai makanan ringan dan makanan segera yang mengandungi penyedap rasa dan sebagainya yang menyumbang kepada meningkatnya pengidap penyakit obesiti dan diabetes dalam kalangan murid sekolah.

Ibu bapa / penjaga juga memainkan peranan penting dalam memilih dan menyediakan makanan yang berkhasiat untuk anak-anak mereka. Mengongsikan pengetahuan kepada ibu bapa / penjaga mengenai dengan isu-isu kesihatan dan langkah-langkah pencegahan dan pengawalan melalui program dan aktiviti kesihatan dapat membantu meningkatkan kefahaman dan kesedaran mereka tentang kepentingan mengamalkan gaya hidup sihat.

Dalam menandai perkara ini, perlu disedari bahawa ia memerlukan semangat kerjasama yang kental dan komitmen yang tinggi. Bukit Sama Didaki Lurah Sama Dituruni' daripada semua pihak. Tanpa adanya kerjasama dan sokongan padu daripada semua pihak, hasrat untuk melahirkan budaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat dikecualikan tidak akan tercapai sepenuhnya.

Justeru itu, usaha mengamalkan gaya hidup sihat pastinya akan melahirkan masyarakat yang sihat, cerdas, cemerlang dan berjaya dalam kehidupan sejajar dengan Wawasan Negara 2035, untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam dikenali di seluruh dunia dengan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

Nama : Mohammad Hanis bin Haji Mohammad Nornisiah
No. K/P : 01-053259 (Kuning)
Alamat : No. 14, Lot 44460, Jalan 64, Simpang 74, Perumahan Lambak Kanan BC3115.

Bersama menuju ke arah warga sihat, bebas diabetes

PENYAKIT diabetes atau kencing manis adalah salah satu diantara penyakit berbahaya yang banyak dihidap bukan sahaja di negara ini tetapi bahkan di seluruh dunia. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), pada tahun 2000 sahaja, penghidap penyakit diabetes sudah menjangkau angka 171,230,000 orang dan dijangka akan meningkat dua kali ganda pada tahun 2030 mendatang. Peningkatan angka bagi penghidap penyakit diabetes ini amatlah membimbangkan dunia.

Walau bagaimanapun, seperti penyakit yang lain, penyakit diabetes ini tidaklah mustahil untuk diubati dan dielakkan jika kita pandai menjaga diri dan badan kita dari mengamalkan permakanan yang tidak sihat seperti makanan berlemak dan yang tidak berkhasiat. Memang tidak dapat dinafikan, dewasa ini terdapat bermacam-macam makanan yang diedarkan dari luar negara yang akan menjejaskan kesihatan kita kerana itulah kita perlu peka dan sentiasa bertindak bijak dalam memilih permakanan sehari-hari.

Di antara faktor terpenting dalam pengamalganaya hidup sihat ialah pengawalan permakanan, jika ia diamalkan dalam kehidupan sehari-hari, kita sudah setentunya akan memperoleh tubuh yang sihat dan masa depan yang harmoni. Di samping itu, pengambilan kadar gula, garam dan lemak juga perlulah dikurangkan dan sebaliknya memperbanyakkan mengkonsumsi buah-buahan dan sayur-sayuran segar.

Dalam pada itu, pakar kesihatan juga sentiasa menasihati orang ramai agar sentiasa memperhatikan makanan yang kita makan kerana setiap benda yang masuk ke dalam tubuh kita itulah kelak yang akan sama ada membantu atau membinasakan badan kita pada kemudian hari bak kata pepatah, 'ikut hati mati, ikut badan binasa'.

Selain itu, penyakit diabetes juga dapat dielakkan dengan melakukan aktiviti bersenam. Dengan bersenam, kita akan dapat membakar lemak, mengurangkan kadar air yang berlebihan di dalam badan melalui peluh, mengurangkan kadar kalori dan juga mampu melancarkan peredaran darah dan menjadikan kita seorang yang sihat dan bersemangat.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, "Tidak ada kantung yang dipenuhi oleh anak Adam yang lebih buruk dari perutnya. Cukupilah seorang anak Adam itu makan dengan kadar beberapa suap makanan untuk menegakkan tulang sulbinya. Jika tidak dapat dielak maka jadikan 1/3 dari kantung perutnya untuk makanan, 1/3 untuk minuman dan 1/3 lagi untuk pernafasan," hadis riwayat Al Imam An Nasai, Ibnu Majah dan At Tirmizi. Jelas di sini bahawa Rasulullah sudah pun mengingatkan kita sejak 1400 tahun dahulu untuk sentiasa menjaga kesihatan dan tidak terlalu mengikut hawa nafsu yang kelak akan membinasakan kita dan masa depan kita.

Nama : Muhd Afiq Qamalul Azri bin Azmi
No. K/P : 01-088861 (Kuning)
Alamat : No 17, Simpang 432, Kampung Lambak 'B', Jalan Berakas A

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini:

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA:

1. 'Kebersihan Aspek Utama Dalam Kehidupan Sehari-hari'. Tarikh Tutup : **24 Disember 2014.**
2. 'Manfaatkan Cuti Sekolah Dengan Aktiviti Berfaedah'. Tarikh Tutup : **31 Disember 2014.**
3. 'Kepentingan Amalan Berjimat Cermat Melahirkan Pengguna Yang Bijak'. Tarikh Tutup : **7 Januari 2015.**

Terma dan Syarat:

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan **15 tahun hingga 25 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada:

Sidang Pengarang, Minda Pembaca,
Unit PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB3510,
Negara Brunei Darussalam
atau melalui
E-mel: pelita.brunei@information.gov.bn

4. Sebanyak tiga penyertaan terbaik akan disiarkan dalam **Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI** dan setiap seorang akan menerima hadiah wang tunai sebanyak **\$75.00.**

Tunggu apa lagi... Hantarkan pendapat awda sekarang e-mel ke: **pelita.brunei@information.gov.bn**

Penaja sambutan Hari Polis terima sijil



PESURUHJAYA Polis, Dato Paduka Seri Awang Bahrin bin Mohd. Noor hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan majlis penyampaian sijil penghargaan kepada salah seorang wakil penaja sempena Sambutan Hari Polis Ke-93 Tahun.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 Disember. - Para penaja yang turut terlibat meraikan Sambutan Hari Polis Ke-93 Tahun telah mendapat penghargaan daripada Pasukan Polis Diraja Brunei.

Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan kepada Penaja-Penaja telah berlangsung di Dewan Bankuet, Mess Pegawai Polis, Ibu Pejabat Polis, Gadong.

Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Awang

Bahrin bin Mohd. Noor hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan majlis penyampaian sijil penghargaan.

Sebanyak 22 penaja terdiri daripada EDS Mobility Technology Sendirian Berhad, HIQ Engineering, Baiduri Bank Berhad, Takaful Brunei Keluarga Sendirian Berhad, Hongkong and Shanghai Bank Cooperation, NBT (B) Sendirian Berhad, Sankaran Halim Advocate/Solicitors; Arkitek Alamreka, Hock Hung Hing

Company, Boustead Sendirian Berhad dan Setia Motors Sendirian Berhad.

Juga menerima sijil ialah IBJC Sendirian Berhad, PTAS Sendirian Berhad, Hon Seng Company, Pro-Ed Tution School, Megawheel Sendirian Berhad, Soartech System Sendirian Berhad, QAF Auto Sendirian Berhad, Readymix Sendirian Berhad, Tech One Global, Royal Brunei Technical Services dan Takaful Brunei Darussalam.

RALAT

BERLAKU kesilapan pada ruangan Haluan bertajuk 'Kurangkan tatattingkat birokrasi bagi PA berjaya dan maju' di muka surat 2 Pelita Brunei keluaran hari Sabtu, 20 Disember 2014 sebetulnya hendaklah dibaca 'Ini disertai dengan transformasi sistemik iaitu melebihi perubahan struktur luaran. Banyak yang boleh dibuat di bawah perubahan sistemik ini.' Kesilapan itu adalah tidak disengajakan dan disesali. - **Ketua Penyuntingan**

Minggu Freshers UBD 27 - 31 Disember 2014

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 Disember. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) mengalu-alukan pengambilan pelajar baharu bagi Januari 2015 pada Minggu Freshers yang akan diadakan di Dewan Canselor mulai 27 hingga 31 Disember 2014.

Minggu Freshers adalah acara tahunan yang dianjurkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan sokongan daripada Majlis Perwakilan Pelajar dan sukarelawan.

Pengambilan Januari adalah pengambilan kedua bagi semester kedua akademik bagi tahun 2014 / 2015. Minggu Freshers tahun ini menjangkakan sambutan sejumlah 780 pelajar UBD.

Sambutan khusus untuk pengambilan baharu GenNEXT dan pelajar siswazahnya. Minggu Freshers menawarkan suasana yang selesa dan bermaklumat, di mana pelajar boleh meneroka pelbagai peluang yang ditawarkan oleh UBD seperti berkenalan dengan kawan-kawan baharu dan ahli fakulti. Aktiviti seminggu juga menjurus ke arah membantu pelajar memilih kursus yang tepat dan modul untuk melengkapkan program empat tahun mereka.

Aktiviti pada Minggu Freshers termasuk penyerahan borang pendaftaran, mesyuarat dengan ketua program, pengenalan kepada ahli fakulti, Program Tahun Penemuan dan juga aktiviti-aktiviti ko-kurikulum turut disediakan oleh UBD. Di samping itu, lawatan kampus membolehkan pelajar menaiki bas dan melawat mengelilingi kampus UBD. Pemandang baru juga akan diberi taklimat mengenai Kelakuan Pelajar UBD seperti kod berpakaian, tiada dasar merokok, dasar jenayah serta kesihatan dan dasar keselamatan.

Aktiviti keagamaan juga dirancang pada Minggu Freshers termasuk Bicara Ulum Ad-Din iaitu ceramah motivasi yang disampaikan oleh penceramah jemputan bagi memperkenalkan Undang-Undang Syar'iah dalam kalangan belia, yang mana peranan dan tanggungjawab pelajar dari perspektif Islam akan ditekankan. Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah yang dianjurkan oleh Masjid UBD turut diadakan bagi menandakan permulaan kehidupan pelajar bagi pengambilan Januari 2015.

Minggu Freshers UBD akan berakhir dengan ucap tama khas Naib Canselor pada 5 Januari di Dewan Canselor, apabila pelajar UBD baharu secara rasmi akan memulakan semester dan pengajian di UBD.

Pertemuan Hujung Minggu Alumni eratkan silaturahim

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi



TUNGKU LINK, Ahad, 21 Disember. - Bagi mengeratkan lagi hubungan persahabatan dan silaturahim antara bekas siswazah Universiti Brunei Darussalam (UBD), Persatuan Gild Siswazah universiti berkenaan telah mengadakan Pertemuan Hujung Minggu Alumni (Alumni Weekend) di Pusat Pelajar UBD, di sini.

Majlis tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dan diselajurkan dengan penerangan mengenai dengan kebaikan Gild Siswazah.

Gild Siswazah telah ditubuhkan sejak tahun 1985 dan telah melahirkan banyak cendekiawan, profesional dan pelbagai bakat yang diperlukan oleh Gild Siswazah untuk memberikan sumbangan kepada UBD khususnya.

Antara objektif pertemuan tersebut adalah untuk membentuk sebuah komuniti Alumni yang dapat memberikan sumbangan dari segi buah fikiran, bakat dan juga bantuan kewangan kepada persatuan yang dapat digunakan bagi kemanfaatan masyarakat UBD dan juga negara amnya.

PERTEMUAN Hujung Minggu Alumni Persatuan Gild Siswazah ini diharap dapat memberikan sumbangan dari segi buah fikiran, bakat dan juga bantuan kewangan kepada persatuan yang dapat digunakan bagi kemanfaatan masyarakat Universiti Brunei Darussalam.



MPK Mentiri adakan Doa Kesyukuran

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

MENTIRI, Ahad, 21 Disember. - Majlis Perundangan Kampung (MPK) Mentiri mengadakan Majlis Doa Kesyukuran di atas kemenangan Pasukan Dikir Biro Wanita, Kumpulan Dikir Al-Amirah bagi Mukim Mentiri.

Majlis berlangsung di kediaman Ketua Kampung Mentiri, Awang Haji Bujang bin Sabtu.

Penyampaian piala pusingan disempurnakan oleh Ahli Majlis

Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Mohd. Daud bin Karim.

Majlis diselenggarakan dengan penyampaian bantuan ikhlas kepada dua ahli MPK Mentiri.

Acara bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan penduduk kampung, di samping dapat membantu meringankan beban mereka yang memerlukan.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Mohd. Daud bin Karim menyampaikan sumbangan kepada Awang Haji Dewa bin Rabaha salah seorang ahli MPK Kampung Mentiri (atas) dan Ahli MMN menyampaikan piala pusingan kepada Pasukan Dikir Wanita Mukim Mentiri (bawah).



KETUA Kampung Mentiri, Awang Haji Bujang bin Sabtu semasa menyampaikan kata-kata aluan.

Peluang menangi tiket penerbangan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 Disember. - Dalam Kempen Promosi Kad Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) terkini, 'Leret Untuk Terbang', pelanggan BIBD yang membelanjakan BND30 ke atas tertakluk kepada Kad Debit BIBD, Kad Kredit atau eTunai akan berpeluang untuk memenangi tiket penerbangan ke destinasi percutan yang menarik.

Sepanjang promosi ini, terdapat lima pasang tiket penerbangan untuk dimenangi setiap bulan ke destinasi yang berbeza, bermula dengan Ho Chi Minh, diikuti oleh Bali, Dubai dan Melbourne. Kad promosi BIBD 'Leret Untuk Terbang' bermula pada 1 Disember 2014 dan akan ditutup pada 31 Mac 2015. Ini akan memberikan anda peluang untuk memenangi hadiah percutan yang sentiasa diimpikan.

Semua pelanggan BIBD hanya perlu berbelanja di mana-mana pembelian runcit atau *online* dari BND30 ke atas, dan setiap urus niaga secara automatik akan menerima satu penyertaan untuk cabutan bertuah bulanan. Tiada perlu bersusah payah mengisi borang penyertaan untuk setiap urus niaga pembelian yang layak. Apa lagi, pelanggan BIBD akan diberi ganjaran dengan tambahan 10 bonus penyertaan cabutan bertuah untuk mengumpul perbelanjaan minimum bulanan sebanyak BND1,000 untuk cabutan bertuah bulan tersebut.

Untuk maklumat lanjut mengenai mana-mana produk BIBD, perkhidmatan atau promosi, sila ikuti akaun Instagram BIBD di BIBDBRUNEI, laman Facebook di www.facebook.com/bibdbrunei, menghubungi Pusat Panggilan BIBD di 2238181 atau kunjungi cawangan BIBD yang berhampiran. Juga jangan lupa untuk memuat turun App Mobile BIBD popular untuk mendapatkan tawaran dan promosi terbaharu BIBD di bawah fungsi 'Apa yang Baru'.

Muhammad Yusrun wakil negara pertandingan Al-Qur'an di Maghribi

Oleh : Mohammad Arif Matali
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 21 Disember. - Negara Brunei Darussalam telah menghantar rombongan bagi menyertai Pertandingan The 10th Edition of Mohammed VI International Award of Psalmody of The Holy Quran yang akan berlangsung di Rabat, Maghribi bermula pada 23 hingga 27 Disember 2014.

Rombongan negara diwakili oleh penuntut Tahun 11, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB), Awang Muhammad Yusrun bin Haji Jahari.

Turut serta ialah Tenaga Pengajar dari ITQSHHB, Pengiran Haji Amiruddin bin Haji Damit, selaku Pengurus Rombongan dan Awang Haji Termizi bin Mahmod, selaku pembimbing peserta.

Hadir bagi mengucapkan selamat belayar di Lapangan Terbang

Antarabangsa Brunei ialah Pengetua Institut berkenaan, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali.

Peserta negara pada tahun ini pernah mewakili negara dalam Pertandingan Antarabangsa Kerajaan Hasyimiah Ke-20 bagi Kategori Menghafaz, Membaca dan Mentafsir Al-Qur'an di Amman, Jordan dan sepanjang pertandingan ini berlangsung nanti, Awang Muhammad Yusrun bin Haji Jahari akan menyertai dalam Kategori Hafazan 2 setengah Juz Al-Qur'an secara berlagu.

Ini merupakan penyertaan Negara Brunei Darussalam Ke-6 sejak menyertainya pada tahun 2010 dan diharap penyertaan kali ini akan dapat memberi galakan dan pendedahan kepada peserta sebagai motivasi ke arah mencapai prestasi yang lebih meningkat lagi dalam bidang Hafazan Al-Qur'an pada masa akan datang.



AWANG Muhammad Yusrun bin Haji Jahari (tengah) bersama Tenaga Pengajar dari Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Pengiran Haji Amiruddin bin Haji Damit selaku Pengurus Rombongan dan Awang Haji Termizi bin Mahmod sebagai pembimbing peserta bergambar ramai sebelum berlepas ke Rabat, Maghribi bagi menyertai Pertandingan The 10th Edition of Mohammed VI International Award of Psalmody of The Holy Quran.

Elakkan jual beli secara ansuran yang tidak menepati hukum syara'

Sambungan Keluaran Lepas

Beberapa perkara yang perlu dielak

Dalam hal jual beli secara ansuran, untuk memastikannya tidak bertentangan dengan hukum syara', terdapat beberapa perkara yang perlu dielakkan oleh penjual dan pembeli, antaranya:

1. Akad jual beli yang tidak jelas.

Antara syarat yang dikenakan dalam jual beli seperti ini, hendaklah akad yang dibuat oleh penjual dan pembeli berlaku dalam bentuk yang jelas iaitu harga yang hendak dibayar kepada penjual adalah secara ansuran. Sebagai contoh:

(B) berkata: "Saya jual tanah saya ini kepada tuan pada harga \$60,000/= dengan dibayar secara ansuran selama sepuluh tahun."

(A) berkata: "Saya beli."

Contoh bagi "akad jual beli yang tidak jelas" ialah seperti:

(B) berkata: "Saya jual tanah saya ini kepada tuan pada harga \$50,000/= jika dibayar secara tunai. Tetapi jika dibayar secara ansuran selama sepuluh tahun harganya ialah \$60,000/=. Tuan boleh pilih, sama ada pada harga \$50,000/= dibayar secara tunai atau pada harga \$60,000 dibayar secara ansuran."

(A) berkata: "Saya beli."

"Akad jual beli yang tidak jelas" seperti ini adalah tidak sah dan tidak menepati hukum syara'. Ini kerana tidak ada ketentuan yang jelas sama ada penjual dan pembeli berakad pada harga yang dibayar secara tunai (\$50,000/=) atau pada harga yang dibayar secara ansuran (\$60,000/=). Akad jual beli seperti inilah antara yang termasuk dalam tegahan Nabi shallallahu 'alaihi wasallam yang dikatakan sebagai "dua jual beli dalam satu kontrak jual beli".

Ini adalah berdasarkan apa yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu, beliau berkata:

Maksudnya: "Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam melarang daripada melakukan dua jual beli dalam satu kontrak jual beli."

(Hadits riwayat at-Tirmidzi)

2. Tempoh waktu pembayaran yang

tidak jelas.

Dalam jual beli secara ansuran yang sifatnya sebagai jual beli bertanggung, hendaklah ditentukan dengan jelas di dalam akad jual beli yang dipersetujui di antara pembeli dan penjual tempoh bayaran ansuran bagi barang yang dibeli. Jika sekiranya tempoh bayaran ansuran tersebut tidak jelas, atau tidak diketahui sampai bila bayaran tersebut mesti dilunaskan, maka kedudukan jual beli tersebut hukumnya adalah tidak sah.

3. Menyatakan di dalam akad jual beli dengan mensyaratkan faedah (*interest*) yang dikenakan ke atas pembeli kerana bayaran bertanggung.

Tidak harus menyatakan dalam akad jual beli yang dipersetujui pengenaan faedah (*interest*) ke atas pembeli disebabkan bayaran yang dibuatnya secara ansuran (tidak tunai), sama ada menurut kadar faedah yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak (penjual dan pembeli) ataupun menurut kadar faedah semasa di pasaran.

Sebagai contoh:

(A) berkata: "Saya jual baju ini kepada tuan pada harga \$40/= tunai. Tetapi jika dibayar secara ansuran selama empat bulan saya akan kenakan faedah (*interest*) sebanyak \$3/= bagi setiap bulan yang bertanggung."

(B) berkata: "Saya setuju."

Dalam contoh di atas, pengenaan faedah (*interest*) sebanyak \$3/= bagi setiap bulan yang bertanggung itu bukanlah merupakan sebahagian daripada harga baju yang dibeli. Tetapi ia merupakan sebagai timbal balik kepada tempoh masa pembayaran yang bertanggung iaitu \$3/= x 4 bulan = \$12/=. Jumlah wang \$12/= itu adalah riba yang diharamkan oleh syara'.

4. Berjual beli yang melibatkan matawang, emas dan perak secara ansuran atau bertanggung.

Sebagaimana menurut ketetapan yang diputuskan oleh Majlis Majma' Fiqh Islami Antarabangsa bahawa hukum yang berjalan ke atas matawang kertas adalah sama sepertimana hukum yang berjalan ke atas emas dan perak. Salah satunya dalam hukum yang berkaitan dengan riba.

Di dalam bab riba, jual beli yang melibatkan

pertukaran dua barang *ribawi* yang sama sebab ribanya (عَلَّة الرِّبَا) dan yang sama jenis seperti emas dengan emas atau perak dengan perak, tiga perkara berikut hendaklah dijaga:

i. Sama rata pada timbangan / sukatan (الْمِثَالَةُ), iaitu tidak berlaku padanya salah satu barang melebihi satu yang lain.

ii. Secara tunai atau tidak bertanggung (الْحَوْل).

iii. Serah menyerah (التَّحَايُض) di antara dua barang yang diperjualbelikan di dalam satu majlis akad.

Jika jual beli itu pula melibatkan pertukaran barang yang tidak sama jenis seperti emas dengan perak, dua perkara berikut hendaklah dijaga:

i. Secara tunai atau tidak bertanggung (الْحَوْل).

ii. Serah menyerah (التَّحَايُض) di antara dua barang yang diperjualbelikan di dalam satu majlis akad.

Hal ini tidak ada bezanya sama ada emas dan perak itu sudah dibentuk menjadi barang kemas seperti gelang, cincin, rantai dan sebagainya ataupun belum dibentuk. Ini adalah berdasarkan sebagaimana yang dijelaskan oleh Imam al-Khatib asy-Syarbini *Rahimahullah* di dalam kitabnya *Mughni al-Muhtaj*:

Ertinya: "Nilai pembuatan emas itu tidak memberi kesan kepada hukum asal emas itu sendiri, sehinggakan jika seorang membeli emas yang sudah dibentuk dengan dinar (wang emas) sebagai pertukarannya, di mana nilai emas yang sudah dibentuk itu lebih tinggi berbanding dinar tersebut, prinsip sama rata (timbangan) di antara keduanya tetap diambil kira, adapun nilai pembentukan emas itu pula tidak diambil kira."

Oleh itu, berdasarkan prinsip syara' yang disebutkan di atas, berjual beli emas atau perak dengan wang kertas hendaklah berlaku secara tunai, tidak boleh secara ansuran atau hutang. Dan hendaklah berlaku serah menyerah di antara wang bayaran dengan barangan emas atau perak di majlis akad jual beli itu juga. Akan tetapi, disebabkan emas atau perak merupakan barang yang tidak sama jenis dengan wang kertas, maka prinsip "sama rata" (الْمِثَالَةُ) dari aspek timbangan tidak menjadi tuntutan dalam



jual beli tersebut.

Sebagai kesimpulan, akad jual beli dengan bayaran secara ansuran hukumnya adalah harus. Begitu juga jika penjual meletakkan harga jualan yang dibayar secara ansuran lebih tinggi berbanding dengan harga jualan yang dibayar secara tunai, menurut pendapat ulama dalam mazhab Syafi'e jual beli seperti itu adalah juga sah dan diharuskan.

Ini tidak syak lagi merupakan satu kemudahan bagi pembeli, lebih-lebih lagi bagi kalangan pembeli yang tidak mampu untuk membayar secara tunai sekaligus. Namun perlu juga diingat, pembeli yang membeli suatu barang dengan bayaran secara ansuran adalah dikira sebagai orang yang berhutang (penghutang) selagi dia masih belum habis melunaskan bayaran-bayaran yang tertangguh. Penghutang adalah berkewajipan melunaskan segala hutangnya. Penghutang yang mampu membayar tidak boleh melambatkan membayar hutangnya yang sudah tiba tempoh pembayarannya. Manakala penghutang yang mampu membayar, tetapi menanggah-nangguhkan pembayaran hutangnya adalah orang yang berlaku zalim, dan hukumnya adalah haram, sebagaimana yang dinyatakan oleh Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam.

Elak Riya'; Penghapus pahala ibadat



PERKATAAN riya' berasal dari perkataan arabu'yah yang bererti memperlihatkan. Riya' bermaksud menunjuk-nunjuk atau memperlihatkan sesuatu amalan baik yang dilakukan oleh seseorang untuk memperolehi kedudukan di hati manusia. Berdasarkan al-Qur'an dan hadits, para ulama bersepakat sifat riya' hukumnya adalah haram. Perbuatan riya' adalah tergolong dalam golongan syirik kecil yang boleh merosakkan dan menghapuskan nilai ibadat sebagaimana hadits riwayat Imam Ahmad daripada Mahmud ibni Labid katanya, telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Sesuatu yang aku takutkan menimpa kamu adalah syirik kecil. Mereka bertanya: "Wahai Rasulullah apakah syirik kecil itu." Baginda menjawab: "Riya'."

Hadits ini jelas menunjukkan kekuatiran Rasulullah akan sifat mazmumah ini. Riya' adalah sesuatu yang cukup bahaya dan

mengancam kemurnian aqidah dan iman serta merosakkan nilai keikhlasan hati, keluhuran akhlak dan sebagainya. Ia adalah satu perbuatan yang tersembunyi di dalam hati, perasaan dan peribadi seseorang bertujuan untuk memperlihatkan kehebatan, kebaikan, perjuangan dan amalannya di mata manusia.

Sifat ini sentiasa menguji manusia dari semua golongan termasuk para ulama, ahli ibadah, orang-orang yang bertaqwa dan orang awam. Oleh itu kita hendaklah berhati-hati, kerana sifat ini merupakan senjata akhir bagi syaitan untuk menewaskan orang-orang yang rajin beribadah sehingga mereka tersesat dan amalannya tidak mendapat keredhaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Sayidina 'Ali bin Abi Thalib menjelaskan tanda-tanda sifat mazmumah ini ada tiga aitu :

- Malas beramal jika bersendirian
- Rajin beramal jika di khalayak ramai
- Menambah amalan jika di puji dan mengurangkan amalan jika dicela

Jelaslah, riya' merupakan perbuatan yang sia-sia kerana mengandungi unsur kepura-puraan yang dilaknat oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu ketahuilah, amal kebajikan yang disertai dengan sifat riya' itu akan menjadi rosak dan sia-sia serta tidak mendapat keredhaan Allah Subhanahu Wata'ala sepertimana firmanNya dalam Surah al-Baqarah ayat 264, tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu merosakkan (pahala) sedekah-sedekah kamu dengan mengungkit dan menyakiti, seperti (rosaknya pahala) orang yang membelanjakan hartanya kerana riya' (menunjuk-nunjuk) kepada manusia, dan dia pula tidak beriman kepada Allah dan Hari Akhirat."

Oleh itu, amal ibadat kita hendaklah ikhlas dan bersih dari sifat mazmumah ini. Amal ibadat yang kita lakukan pada setiap hari itu hendaklah semata-mata kerana redha Allah Subhanahu Wata'ala, diteruskan tidak kira di mana, ketika ada atau ketika ketiadaan orang serta ikhlas daripada perasaan riya' dan menunjuk-nunjuk. Dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

"Sesungguhnya Allah tidak melihat bentuk badan dan rupamu tetapi Allah melihat akan niat dan keikhlasan hatimu sambil Nabi mengisyratkan jarinya kedadanya."

Oleh itu sebagai seorang mu'min, kita sepatutnya sentiasa memperbaiki niat dan tekad dalam melakukan sesuatu amal kebajikan agar segala amalan kita tidak menjadi sia-sia dan sebaliknya memperoleh keredhaan Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana dalam firmanNya dalam Surah al-An'am ayat 162-163, tafsirnya:

Katakanlah: "Sesungguhnya sembahyangku, ibadatku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah, Pencipta dan Pentadbir sekalian alam." Tiada sekutu bagiNya; dan dengan itu aku diperintahkan dan aku adalah orang yang mula-mula menyerah diri (kepada Allah di kalangan umatku)."

Sememangnya manusia menilai dari luaran dan perbuatan seseorang, namun hakikatnya apa yang lebih penting, kedudukan kita dalam keredhaan Allah Subhanahu Wata'ala yang menilai dan mengetahui setiap hati hamba-hambaNya. Oleh itu, sifat riya' itu sebenarnya boleh dihindari dengan memperkuat atau mempertingkatkan iman dan hati sentiasa takut akan azab dan seksa Allah di akhirat nanti. Marilah kita menghindari sebarang perasaan riya' dalam diri dengan mendekatkan diri kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sentiasa berdoa agar kita terpelihara daripada sifat mazmumah ini.

"Ya Allah sucikanlah hati kami daripada sifat nifaq (munafiq), pekerjaan kami dari amalan riya', lidah kami dari berkata bohong dan mata kami daripada berlaku khianat. Maka sesungguhnya Engkau Maha Mengetahui segala yang berlaku khianat dan apa yang disembunyikan oleh dada-dada."

Aamin Ya Rabbal 'alamin....

Perlunya berpantang selepas bersalin

Oleh : Nurul Syakirah Zaini

AMALAN berpantang selepas bersalin adalah satu kaedah pemulihan yang dilakukan secara tradisional di dalam satu jangka masa tertentu bagi wanita yang baru sahaja melahirkan anak. Amalan berpantang ini, masih lagi digunapakai sehingga ke hari ini dan diwarisi sejak turun temurun di kalangan masyarakat Asia terutamanya orang-orang Melayu. Namun, ada juga segelintir sudah tidak lagi melakukannya sama ada disebabkan oleh tidak mengetahui tentangnya atau tidak berminat untuk melakukannya. Semasa berpantang, tubuh badan si ibu dalam keadaan lemah dan memerlukan rawatan secara teratur terutama dalam aspek kebersihan diri dan pengambilan makanan. Definisi 'berpantang' bermaksud si ibu perlu mengawal diri daripada mengambil apa-apa yang boleh memudaratkan diri dan memakan bahan yang perlu sahaja.

Tempoh berpantang biasanya berlangsung selama lebih kurang 40 hari atau enam minggu dari hari kelahiran anak. Tumpuan utama rawatan adalah untuk membantu mengembalikan bentuk badan ibu kepada asal, memulihkan organ dalaman wanita dan menyembuhkan luka semasa melahirkan serta membetulkan keadaan rahim. Jika rawatan ini tidak dijalankan, dikhuatiri rahim tidak mengecut dan wanita akan kelihatan tua daripada usianya. Dalam asas rawatan memerlukan penggunaan herba-herba tradisional, urutan, diet yang ketat serta penggunaan alatan bantuan seperti bengkung dan rawatan tungku panas. Terdapat tiga peringkat rawatan yang perlu ditempuh oleh si ibu semasa

berpantang.

PERINGKAT RAWATAN

Peringkat pertama, si ibu perlu menjalani urutan atau lebih dikenali sebagai 'baurut' ini bermanfaat untuk memulihkan kekejangan perut, melegakan otot-otot yang tegang, mengurangkan stres dan menggalakkan tidur yang lena. Peringkat kedua ialah urutan bagi membetulkan rahim dan mengembalikan kepada kedudukan asalnya. Dan di peringkat ini juga, si ibu akan disarankan untuk melakukan pemanasan pada perut dengan menggunakan arang yang dikenali sebagai 'badiang'. Urutan dan pemanasan ini adalah untuk melancarkan darah selepas bersalin (darah nifas) keluar dengan teratur, mengeluarkan kotoran di kawasan rahim dan kelangkang, melegakan kembung perut dan sembelit.

Peringkat seterusnya, si ibu akan digalakkan untuk mengambil herba-herba tradisional untuk melancarkan peredaran darah, menggalakkan pengeluaran susu ibu, mengeluarkan angin di dalam badan dan mempercepatkan proses pelangsingan. Selain dari itu, pengambilan makanan juga perlu diambil perhatian. Makanan yang dipanggang atau dikukus adalah pilihan yang bijak semasa menjalani waktu berpantang. Namun, makanan laut perlu ditegah kerana ia boleh menyebabkan alahan dan melambatkan penyembuhan luka akibat bersalin dan makanan yang menyebabkan angin seperti kekacang juga perlu dielakkan.

KEBAIKAN MELALUI TEMPOH BERPANTANG

Walaupun dilihat sebagai melalui suatu tempoh yang memeritkan, tetapi ia memberikan kebaikan



kepada si ibu dan juga untuk anak yang dilahirkan. Dari sudut kesihatan, waktu berpantang ini adalah tempoh rehat serta satu proses membaiki pulih tubuh badan setelah bersalin sama ada secara normal atau pembedahan. Ia juga dapat mengelakkan tubuh badan dari dijangkiti kuman dan bakteria.

Dari sudut pemakanan pula, si ibu akan mendapat khasiat dan nutrien yang diperlukan untuk mengembalikan kecantikan dan

GAMBAR HIASAN... Bahan-bahan semula jadi merupakan pilihan bagi perubatan tradisional semasa berpantang.

kelangsingan tubuh badan. Selain daripada itu, pemilihan makanan juga perlu diambil berat bagi mengelakkan si ibu mendapat masalah kesihatan. Contohnya, para ibu tidak digalakkan memakan sayur-sayuran yang bersifat 'sejuk' seperti kangkung, bayam dan pucuk paku kerana boleh menyebabkan kegatalan. Minuman berair dan bergas juga perlu dihindari kerana ia boleh menyebabkan angin di dalam badan dan si ibu akan merasa ngilu jika meminumnya.

Semasa menjalani waktu berpantang ini, si ibu akan dapat menenangkan fikiran dan emosi setelah bersabung nyawa melahirkan

anak. Inilah masa untuk berehat dan memberikan sepenuh tumpuan untuk diri sendiri dan anak yang baru dilahirkan. Tempoh berpantang dapat mengeratkan hubungan di antara ibu dengan anak serta dengan keluarga. Walaupun zaman semakin moden dan melalui masa perubahan, namun amalan berpantang selepas bersalin masih lagi relevan dengan masyarakat sekarang. Pelbagai alternatif yang diberikan dalam menjalani tempoh berpantang ini mengikut keperluan dan kesesuaian masyarakat sekarang antaranya set selepas bersalin yang sudah banyak terjual di merata tempat.



GAMBAR HIASAN... Ibu selepas melahirkan perlu rawatan secara teratur demi melancarkan peredaran darah, mengeluarkan angin di dalam badan dan mempercepatkan proses pelangsingan. Selain itu ia juga boleh menggalakkan pengeluaran susu ibu yang penting bagi permakanan anak damit yang baru lahir.

SEMASA menjalani waktu berpantang ini, si ibu akan dapat menenangkan fikiran dan emosi setelah bersabung nyawa melahirkan anak. Inilah masa untuk berehat dan memberikan sepenuh tumpuan untuk diri sendiri dan anak yang baru dilahirkan. Tempoh berpantang dapat mengeratkan hubungan di antara ibu dengan anak serta dengan keluarga. Walaupun zaman semakin moden dan melalui masa perubahan, namun amalan berpantang selepas bersalin masih lagi relevan dengan masyarakat sekarang. Pelbagai alternatif yang diberikan dalam menjalani tempoh berpantang ini mengikut keperluan dan kesesuaian masyarakat sekarang antaranya set selepas bersalin yang sudah banyak terjual di merata tempat.

Dikir Maulud semarakkan Maulidur Rasul



PEMANGKU Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan Dikir Maulud di Masjid Omar 'Ali Saifuddin (kanan), sementara gambar atas, Dikir Maulud selama 12 malam berturut-turut mula bergema di Masjid Omar 'Ali Saifuddin.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hamzah Mohiddin

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 Disember. - Semua masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara bergema dengan Dikir Maulud selama 12 malam berturut-turut mulai malam ini sempena memperingati Hari Kelahiran Junjungan Besar, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang membawa rahmat ke seluruh alam.

Maulud Nabi atau Maulidur Rasul

Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan salah satu acara kebesaran yang disambut oleh umat Islam di negara ini dan merata dunia.

Bagi sama-sama memeriahkan dan menyemarakkan sambutan Maulud tahun ini, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui jabatan di bawahnya telah mengendalikan Majlis Dikir 12 Malam berturut-turut di masjid-masjid, surau dan balai



ibadat seluruh negara bagi tahun 1436 Hijrah/2014-2015 Masihi.

Sehubungan itu, Majlis Pembukaan Dikir Maulud diadakan malam itu di Masjid Omar 'Ali Saifuddin di sini yang sekali gus menandakan bermulanya pembukaan Dikir Syarafil Anam bagi tahun 1436H/2014-2015M.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Juga hadir ialah Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Abdoh bin Dato Seri Setia Abdul Salam; Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Harun bin Haji Junid, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan dan kakitangan KHEU serta para jemaah

dan penduduk kampung yang tinggal di sekitarnya.

Majlis dimulai dengan bacaan Surah Al Faatihah dipimpin oleh Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom diikuti dengan Dikir Assalamu'alaika oleh pasukan-pasukan dikir dari Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

Dikir Alham pula dibawakan oleh gabungan pasukan dikir jabatan-jabatan di bawah KHEU dan pasukan dikir Jabatan Pengajian Islam, KHEU.

Sementara itu, persembahan Dikir Khairuman pula dibawakan oleh pasukan dikir Kampung Subok dan pasukan dikir Kampung Pandai Besi, sementara Dikir Asraqal dibawakan

oleh pasukan dikir Masjid Omar 'Ali Saifuddin dan pasukan dikir Nur Taqwa.

Bacaan doa dikir dibacakan oleh Mudim Awang Haji Amran bin Haji Mohd. Salleh, manakala Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang.

Majlis diadakan sebagai salah satu syiar Islam untuk memakmurkan masjid, selain mengingati Hari Kelahiran Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan pegawai dan kakitangan KHEU dengan jemaah masjid dan penduduk kampung.

Dikir Syarafil Anam peringati perjuangan Rasulullah

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Isnin, 22 Disember. - Laungan Dikir Syarafil Anam di semua masjid, surau dan balai ibadah di seluruh negara bermula malam itu bagi menyemarakkan lagi sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi tahun 1436 Hijrah/2014 Masihi.

Tumpuan utama bagi Majlis Pembukaan Dikir Syarafil Anam selama 12 malam berturut-turut bagi Daerah Temburong telah diadakan di Masjid Utama Mohammad Salleh,

Pekan Bangar di sini.

Majlis berlangsung selepas menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Zahid Zakwan bin Mohd. Said, yang juga imam masjid berkenaan.

Antara yang menyertai majlis itu ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad; ketua-ketua cawangan serta para jemaah masjid dan penduduk kampung di sekitarnya.

Dikir Syarafil Anam antara lain mengandungi puji-pujian dan selawat ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang mana dengan berdikir, kita selaku umat Islam sentiasa mengucapkan selawat sebagai tanda kita memperingati Baginda.

TUMPUAN utama di Daerah Temburong bagi Majlis Pembukaan Dikir Syarafil Anam sempena sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi tahun 1436 Hijrah / 2014 Masihi diadakan di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar (kanan dan bawah kiri).



Dikir Maulud terus bergema

Oleh : Dk. Vivy Malessa
Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi

MANGGIS, Selasa, 23 Disember. - Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit dan Ahli Jawatankuasa Penyelaras Hari Kebesaran Islam Sesi 2014-2015, lewat petang ini mengadakan Majlis Dikir Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang berlangsung di masjid berkenaan, Kampung Manggis dan Madang.

Majlis berdikir juga disertai oleh penduduk Kampung Manggis, Madang dan penduduk sekitarnya.

Terdahulu, majlis bermula selepas menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib yang diimamkan oleh imam masjid berkenaan, Awang Haji Jupri bin Haji Abidin yang diikuti dengan majlis berdikir beramai-ramai.

Majlis berdikir hari kedua diadakan dalam sama-sama menyemarakkan suasana Hari-Hari Kebesaran Islam di negara ini, di samping untuk memperingati hari kelahiran Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.



AHLI Jawatankuasa Takmir Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit dan Ahli Jawatankuasa Penyelaras Hari Kebesaran Islam Sesi 2014-2015 ketika mengadakan Majlis Dikir Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada majlis tersebut.

Kementerian Pendidikan mulakan Dikir Maulud

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Haji Arifin Mohd. Noor



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Disember. - Sempena menyemarakkan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 1436 Hijrah/ 2015 Masihi, Kementerian Pendidikan telah mengadakan Majlis Berdikir di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, di sini.

Majlis tersebut merupakan aktiviti tahunan bagi Kementerian Pendidikan dan dikendalikan oleh Jabatan Sekolah-Sekolah dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail.

Juga hadir ialah Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Junaidi bin Haji Abdul Rahman berserta pegawai-pegawai kanan dan kira-kira 250

Warga Kementerian Pendidikan yang lainnya.

Majlis bermula dengan Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah. Ia dimulakan dengan Dikir Assalamu'alaika dan diikuti dengan Dikir Bisyahrin dan Dibaie, iaitu sejurus selesai Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Majlis diteruskan lagi setelah selesai Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah dengan Dikir Khairuman, Badat dan Asyrakal.

Majlis ke masjid-masjid itu antara lain bertujuan untuk menggalakkan warga Kementerian Pendidikan untuk terus berselawat dan memuji junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping menunjukkan rasa kasih sayang terhadap jasa-jasa baginda yang telah memancarkan cahaya dan roh Islam kepada umat Islam.



PEMANGKU Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas). Sementara gambar kiri, suasana Majlis Berdikir yang diadakan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.

AJT Masjid SSBRPAD adakan Dikir Maulud

Oleh : Mohammad Arif Matali
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 Disember. - Majlis Dikir Maulud selama 12 malam berturut-turut bermula malam ini di masjid-masjid, surau-surau dan balai ibadat bagi memperingati dan melahirkan rasa kecintaan kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Ahli Jawatankuasa Takmir (AJT) Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (SSBRPAD), Kampung Madang, tidak ketinggalan mengadakan acara keagamaan tersebut yang berlangsung di masjid berkenaan, di sini.

Hadir ialah Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin.

Majlis tersebut turut disertai oleh rombongan Dikir AJT Masjid Kampung Lambak dan Kampung



TIMBALAN Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin semasa hadir pada majlis tersebut.

Burong Pingai Air serta para penduduk sekitarnya.

Terdahulu, acara bermula dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah diikuti dengan Dikir Maulud.

Maulud Nabi atau Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan salah satu acara kebesaran yang diraikan oleh umat

Islam di negara ini dan merata negara Islam yang lain.

Antara fadilat berselawat ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ialah semakin banyak seseorang itu berselawat maka semakin besar ganjaran pahala dan nikmat yang bakal diterimanya, bukan saja di akhirat tetapi juga dalam kehidupan di dunia.

PDB semarakkan Maulud dengan Dikir Syarafil Anam

Oleh : Hajah Sujimawati Mejeri
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 Disember. - Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi tahun 1436 Hijrah/2014 Masihi, Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) melalui Badan Ugama Islam malam itu mengadakan Majlis Pembukaan Dikir Syarafil Anam.

Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Awang Bahrin bin Mohd. Noor hadir selaku tetamu kehormat majlis yang berlangsung di Surau Ibu Pejabat Polis Gadong, di sini.

Majlis bermula dengan Sembahyang Fardu Maghrib dan Sembahyang Sunat Berjemaah diikuti dengan pembukaan Dikir Syarafil Anam.

Terdahulu, sebelum dikir bermula, bacaan Surah Al Faatihah dibacakan oleh Imam Surau Ibu Pejabat Polis Gadong.

Majlis diteruskan dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah diikuti dengan Dikir Marhaban.

Juga hadir ialah Timbalan Pesuruhjaya Polis, Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam, pasukan pendikir dan pegawai-pegawai PDB.



HADIR selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan Dikir Sharafil Anam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 1436H Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) ialah Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Awang Bahrin bin Mohd. Noor.



PEMBUKAAN majlis dikir bersama rombongan dari Kampung Lambak dan Kampung Burong Pingai Air.



IKLAN JAWATAN - JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

PENGIKLANAN JAWATAN MENURUT PERATURAN 7 (A)
DARIPADA PERATURAN - PERATURAN PEGAWAI - PEGAWAI KERAJAAN (LANTIKAN - LANTIKAN DAN KENAIKAN PANGKAT)
AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM.

IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI DAN PEGAWAI - PEGAWAI KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT
DALAM PERKHIDMATAN AWAM.

TARIKH IKLAN: 24 DISEMBER 2014. TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 7 JANUARI 2015 BILANGAN IKLAN:52/12/14 (SPA/BIKL)

PERATURAN 7 (a)

Syarat-Syarat Am :

- PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
